

# Dedahkan belia bahaya dadah

Oleh FARABI SAID

utusan19@utusan.com.my

**SEREMBAN 15 Sept.** - Program Memperkasa Komuniti Belia Bebas Dadah (EYDFC 2015) merupakan salah satu usaha berterusan pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi menangani isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia masa kini.

Program yang bermula hari ini bertujuan bagi memberikan maklumat selain meningkatkan kesedaran golongan remaja mengenai peranan mereka untuk bersama dalam usaha pencegahan penyalahgunaan dadah.

Pengarah Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA), Prof. Madya Dr. Mohd. Rushdan Mohd. Jailani menjelaskan program berkenaan disasarkan kepada golongan belia berumur 17 hingga 40 tahun.

"Hasil statistik terkini yang dikeluarkan oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan terdapat lebih 60 peratus daripada 7,000 kes penyalahgunaan dadah yang direkodkan berlaku dalam kalangan belia.

"Hal ini jelas menunjukkan bahawa golongan ini sangat berisiko tinggi untuk terlibat dengan ancaman bahaya dadah," katanya di sini hari ini.

Mohd. Rushdan berkata, program ini dijalankan dalam tiga sesi bentuk melibatkan pengajaran dan pembelajaran secara interaktif di dalam kelas di mana peserta akan diberi pendedahan dan berbincang tentang permasalahan dadah secara menyeluruh. Tambahnya, peserta akan belajar secara terus dimana peserta akan bertemu dengan golongan bermasalah atau mereka yang berpotensi untuk terlibat



**Hasil statistik terkini yang dikeluarkan oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan terdapat lebih 60 peratus daripada 7,000 kes penyalahgunaan dadah yang direkodkan berlaku dalam kalangan belia"**

**MOHD. RUSHDAN MOHD. JAILANI**  
Pengarah Pusat  
Penyelidikan Dalam  
Penyalahgunaan Dadah Asia

dalam najis dadah.

"Ketiga, mereka akan dilatih untuk bersama masyarakat dan menyampaikan tentang bahaya dadah," katanya.

Ujarnya, penganjuran program ini adalah dengan kerjasama Asia-Pacific University Community Engagement Network (APUCEN), Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Pengasih Malaysia dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Penganjuran program ini diharapkan memberi pendedahan kepada golongan belia tentang langkah pencegahan, rawatan dan pemulihan penyalahgunaan dadah yang boleh dilaksanakan bagi menghadapi masalah yang kian meruncing di kalangan masyarakat.

Program menarik ini akan berlangsung selama 7 hari bermula 14 sehingga 20 September 2015 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).